

(2018) JUUM (ISU KHAS/SPECIAL ISSUE) 128 – 141  
<https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-09>

## Kedudukan Orang Asli pada Era Penjajahan (The Position of Orang Asli in the Colonial Era)

MUHAMAD SAYUTI BIN HASSAN @ YAHYA  
ROHAIDA NORDIN

### ABSTRAK

*Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis sejarah dan kedudukan Orang Asli pada era penjajahan. Aspek sejarah ini adalah penting bagi menjelaskan kedudukan Orang Asli dan implikasi sejarah terhadap pengenalan undang-undang berkaitan Orang Asli. Sehubungan itu, bagi mencapai objektif tersebut, artikel ini menerangkan latar belakang Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang merangkumi definisi Orang Asli, klasifikasi Orang Asli dan asal usul Orang Asli secara ringkas. Selain menfokuskan kedudukan Orang Asli pada zaman penjajahan, artikel ini turut membincangkan kedudukan Orang Asli pada zaman sebelum penjajahan yang meliputi aspek sosioekonomi dan politik. Artikel ini mendapati bahawa kedudukan Orang Asli mula berubah setelah masyarakat Melayu mendominasi dan seterusnya perubahan makin ketara apabila penjajah luar mula bertapak di Tanah Melayu. Penjajahan kuasa luar juga telah memberikan kesan terhadap layanan dan undang-undang berkaitan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kedudukan Orang Asli mula mengalami beberapa perubahan dan pembaharuan setelah merdeka. Sungguhpun begitu, tragedi hitam dan kesengsaraan yang dialami Orang Asli pada era penjajahan dan darurat tidak begitu mudah untuk dilupakan dan terus terpahat sebagai sejarah hidup masyarakat Orang Asli.*

*Kata kunci: Orang Asli; JAKOA; zaman penjajahan; undang-undang*

### ABSTRACT

*The main objective of this article is to analyze the history and position of Orang Asli during the colonial era. This historical aspect is important to clarify the position of the Orang Asli and the historical implications on the introduction of the laws pertaining to the Orang Asli. In this regard, to achieve the said objective, this article describes the background of Orang Asli in Peninsular Malaysia which includes the definition, classification and their origins briefly. Apart from focusing on the position of the Orang Asli during colonial era, this article also discusses the position of the Orang Asli in the pre-colonial era which includes socio-economic and political aspects. This article found that the position of Orang Asli has changed after the Malay dominated and subsequently more apparent when the colonial settled in Malaya. The colonization has also affected the Orang Asli and laws towards them in Peninsular Malaysia. The position of the Orang Asli undergo some changes after independence. Nevertheless, the tragedies experienced by the Orang Asli during the colonization and emergency era were unforgettable and continue to carve in the history of the Orang Asli life.*

*Keywords: Orang Asli; JAKOA; colonial period; law*

## Pengenalan

Tinjauan aspek sejarah adalah penting bagi menjelaskan kedudukan Orang Asli dan implikasi sejarah terhadap pengenalan undang-undang berkaitan Orang Asli. Pendekatan *historis* ini juga merupakan elemen teras dalam setiap kajian perundangan untuk mengenal pasti asal usul sesuatu perkara dan hubung kaitnya dengan subjek kajian. Selain itu, pendekatan *historis* dilihat relevan untuk menjelaskan perkembangan bermula era awal pembentukan undang-undang dan bagaimana perlindungan berkaitan dengan Orang Asli itu berubah.

Artikel ini mengupas latar belakang dan sejarah Orang Asli. Perbincangan meliputi takrifan Orang Asli diikuti sejarah asal usul kedatangan Orang Asli ke Tanah Melayu. Di samping itu, artikel ini juga menghuraikan klasifikasi dan taburan demografi Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia termasuklah suku kaum Orang Asli yang terdapat di negara ini. Selain itu, artikel ini turut menerangkan perkembangan sejarah iaitu bermula dari zaman penjajahan sehingga selepas Malaysia memperoleh kemerdekaan. Artikel ini merumuskan bagaimana sejarah tentang kedudukan Orang Asli telah mempengaruhi pembentukan undang-undang dan dasar berkaitan Orang Asli di negara ini.

## Latar Belakang Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Orang Asli merupakan orang asal yang menetap di Semenanjung Malaysia. Istilah “Asli” yang digunakan ialah pinjaman perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan “*Asali*” yang

membawa maksud asal (*original*).<sup>1</sup> Sebelum istilah Orang Asli diterima secara rasmi oleh kerajaan pada tahun 1960, kaum ini dirujuk sebagai *sakai*.<sup>2</sup> Selain “sakai,” Orang Asli juga dirujuk sebagai *aborigine* atau sebagai *abos* oleh pentadbir pada zaman penjajahan.<sup>3</sup> Selain itu, Orang Asli juga dirujuk berdasarkan faktor geografi iaitu tempat tinggal mereka seperti Orang Darat, Orang Hulu atau Orang Laut.<sup>4</sup>

Orang Asli dirujuk dengan pelbagai tanggapan negatif kerana dikatakan sebagai masyarakat yang kurang maju dan tidak bertamadun. Mereka juga pernah digelar sebagai orang liar, pagan, orang mawas dan juga orang jinak.<sup>5</sup> Selain itu, Orang Asli telah digelar sebagai Melayu buas atau *Savage Malay* oleh Cerutti, seorang warganegara Itali yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perhubungan yang berurusan dengan Orang Asli.<sup>6</sup> Bukan sahaja dianggap sebagai manusia lemah, Stevens menganggap Orang Asli sebagai hamba yang mirip dengan binatang buas.<sup>7</sup> Menurut Gomes, Orang Asli juga digelar sebagai *dream people* oleh ahli psikologi Amerika kerana mereka mempunyai impian atau melakukan sesuatu impian yang ada kaitan dengan kuasa yang luar biasa.<sup>8</sup> Pelbagai tanggapan negatif dan tidak adil ini menyebabkan Orang Asli dianggap asing dan tersisih daripada masyarakat arus perdana.

Namun begitu, segala tanggapan negatif terhadap Orang Asli tidak wajar. Orang Asli tidak seharusnya dipinggirkan atau dikelaskan sebagai masyarakat mundur kerana mereka merupakan masyarakat yang mempunyai nilai adat dan budaya yang unik. Keunikan dan kelebihan tersebut perlu diberikan tumpuan dan seterusnya

menyokong Orang Asli dengan memberikan perlindungan dan kemajuan sejajar dengan hak penentuan sendiri dan undang-undang antarabangsa.

Tambahan pula, layanan penjajah British terhadap orang Melayu turut memberikan kesan kepada Orang Asli. Pada zaman era penjajahan tersebut, orang Melayu dilantik sebagai pentadbir dalam kebanyakan urusan manakala Orang Asli sentiasa diabaikan sehingga gagal untuk ditempatkan seiring dengan masyarakat majoriti.<sup>9</sup> Ketidakeimbangan ini menyebabkan Orang Asli ditinggalkan mundur dan terus dianggap sebagai primitif.

#### KLASIFIKASI ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Terdapat bukti yang mencukupi bahawa Orang Asli merupakan masyarakat terawal yang mendiami tanah semenanjung. Skeat dan Bladgen mengesahkan bahawa Orang Asli merupakan masyarakat pertama yang tiba di Tanah Semenanjung.<sup>10</sup> Kenyataan

ini juga selari dengan pendapat Jones<sup>11</sup> dan Means<sup>12</sup> bahawa Orang Asli telah dipercayai wujud di tanah Semenanjung beribu-ribu tahun dahulu. Malah, Orang Asli dikatakan telah wujud sebelum wujudnya masyarakat Melayu kerana Orang Asli merupakan migran dari utara Thailand, Burma atau Kemboja sejak 8000 tahun ke 3000 tahun yang lalu.<sup>13</sup>

Istilah Orang Asli merujuk 18 suku kaum masyarakat daripada tiga kumpulan utama berdasarkan etnografi masing-masing iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto.<sup>14</sup> Suku kaum ini tidak dikira sebagai homogen (*homogenous*), sebaliknya merupakan kaum yang dianggap *heterogen* kerana memiliki keunikan dan perbezaan yang tersendiri dari perspektif sosiobudaya dan psikososio-kognitif.<sup>15</sup> Pecahan suku kaum Orang Asli ini dikhususkan lagi kepada suku kaum yang lebih kecil berdasarkan bahasa kaum masing-masing seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.<sup>16</sup> Setiap suku kaum ini unik dan berbeza kerana mereka memiliki bahasa, adat tradisi dan agama yang berlainan.

JADUAL 1. Jumlah Taburan Penduduk Orang Asli pada Disember 2010

Kategori	Kumpulan	Populasi	Bilangan	Peratusan
Negrito	Kensiu	237	5,009	2.8 %
	Kintak	194		
	Jahai	2,387		
	Lanoh	382		
	Mendriq	362		
	Batek	1,447		
Senoi	Semai	51,437	97,856	54.9 %
	Temiar	31,038		
	Jah Hut	5618		
	Che Wong	651		
	Mah Meri	3,799		
	Semaq Beri	5,313		
Melayu Proto	Temuan	27,590	75,332	42.3%

Semelai	7,727		
Jakun	34,722		
Orang Kanaq	148		
Orang Kuala	3,525		
Orang Seletar	1,620		
Jumlah		178,197	100%

*Sumber:* Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Orang Asli

Menurut bancian taburan penduduk Orang Asli pada 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1, masyarakat kaum Senoi mencatatkan jumlah bilangan penduduk tertinggi, iaitu sebanyak 54.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk Orang Asli. Kaum Melayu Proto mewakili sebanyak 42.3% dan diikuti kaum Negrito yang mencatatkan jumlah yang paling kecil daripada ketiga-tiga kaum Orang Asli, iaitu 2.8% sahaja.

#### ZAMAN PRAPENJAJAHAN

Orang Asli sebelum zaman penjajahan boleh dikatakan mempunyai autonomi dan mempraktikkan hak penentuan sendiri dalam konteks mereka sendiri sama ada dari aspek ekonomi, politik dan juga sosial. Menurut Carey, kedudukan Orang Asli sebelum zaman penjajahan menggambarkan bahawa mereka mempunyai nilai ketamadunan yang tersendiri.<sup>17</sup> Dalam erti kata lain, Orang Asli mempunyai sistem politik dan kepimpinan yang tersendiri mengikut adat dan tradisi mereka sendiri serta berupaya untuk menguruskan kehidupan mengikut resam tradisional dan kepercayaan nenek moyang.<sup>18</sup>

Contohnya, dari aspek ekonomi Andaya dan Andaya menjelaskan bahawa Orang Asli memainkan peranan

penting dalam membekalkan sumber hutan kepada pedagang-pedagang luar, antaranya kayu gaharu, rempah ratus dan pelbagai sumber hutan yang lain dengan cara sistem barter.<sup>19</sup> Pandangan ini telah disokong oleh Dunn yang menerangkan tentang kedudukan Orang Asli yang penting dalam perdagangan khususnya sebagai pembekal dan bertindak sebagai pedagang utama dalam sejarah kegiatan ekonomi pada kurun kelima dahulu.<sup>20</sup> Hakikat ini menggambarkan bahawa Orang Asli pada kurun itu mempunyai nilai ketamadunan yang tinggi dalam mempraktikkan kebebasan melaksanakan aktiviti ekonomi.

Selain aspek ekonomi, kedudukan Orang Asli dari aspek politik dan sosial menyaksikan bahawa mereka pernah mempunyai nilai taraf kehidupan yang baik serta sistematik. Sejarah awal Melaka telah menyaksikan bagaimana Orang Asli sudah lama mendiami Melaka dengan wujudnya sebuah perkampungan nelayan yang didiami oleh Orang Laut.<sup>21</sup> Andaya dan Andaya juga berpendapat bahawa Orang Asli sudah mempunyai sistem politik dan pentadbiran yang hampir sama dengan masyarakat Melayu yang diketuai oleh Parameswara yang baru tiba di Melaka pada zaman itu.<sup>22</sup> Selain itu, Orang Asli di Melaka juga turut mempunyai kuasa politik setelah mereka pernah dilantik menjadi penghulu dan ketua atau lebih dikenali sebagai *Lelah Maharajah* dan

juga *Setia Rajah*.<sup>23</sup> Orang Asli juga mempunyai taraf berbeza, berpengaruh dan juga berharta mengikut amalan *adat perpatih* khususnya hal berkaitan dengan pemilikan yang diamalkan di Rembau di mana golongan Biduanda terdiri dalam kalangan masyarakat Orang Asli.<sup>24</sup> Secara tidak langsung, pengiktirafan seperti ini telah meletakkan Orang Asli setaraf dengan bangsa lain.

Namun, kekuasaan dan kedudukan Orang Asli mula berubah setelah masyarakat Melayu mula mendominasi pemerintahan dan aktiviti ekonomi di Tanah Melayu. Menurut Means, Orang Asli telah dipinggirkan oleh kekuasaan Melayu pada ketika itu yang menyebabkan Orang Asli berpindah jauh ke dalam hutan.<sup>25</sup> Kekuasaan masyarakat Melayu juga menyebabkan mereka berasakan diri mereka dihina dan takut untuk berkomunikasi dengan masyarakat Melayu.<sup>26</sup> Kebanyakan Orang Asli khususnya Negrito dan Senoi kurang berhubung dengan dunia luar malah mereka lebih selesa berada di dalam hutan kerana mereka dapat mempraktikkan adat budaya dan cara hidup tradisional mereka.<sup>27</sup> Layanan buruk terhadap Orang Asli pada ketika ini menyebabkan kebebasan dan autonomi Orang Asli yang dinikmati sebelum ini beransur hilang dan terhakis. Perubahan tersebut turut dirasai pada era penjajahan oleh kuasa luar.

#### ZAMAN PENJAJAHAN

Tanah Melayu mula dijajah oleh Portugis dengan menawan Melaka pada tahun 1511.<sup>28</sup> Kemudian, Belanda pada tahun 1641 telah mula menjajah dan menyebabkan Portugis berundur dari Tanah Melayu.<sup>29</sup> Penjajah pada zaman ini tidak begitu memberikan kesan terhadap kehidupan Orang Asli. Walau

bagaimanapun, penjajahan British telah membawa perubahan terhadap landskap kehidupan tradisional Orang Asli dari segi pentadbiran dan perundangan. Nicholas menyifatkan bahawa penjajahan British ini merupakan permulaan tindakan paternalisme terhadap Orang Asli.<sup>30</sup> Salah satu tindakan paternalisme tersebut ialah Orang Asli dianggap sebagai kanak-kanak dan perlu dipelihara.<sup>31</sup>

Keadaan bertambah buruk apabila Tanah Melayu diserang oleh tentera Jepun pada 8 Disember 1941 dan berlarutan sehingga tahun 1945.<sup>32</sup> Askar Jepun mula menawan Tanah Melayu bermula dari timur Kelantan iaitu Kota Bharu sehinggalah menguasai selatan Tanah Melayu, iaitu negeri Johor sebelum memasuki utara Singapura.<sup>33</sup> Sepanjang tempoh serangan tentera Jepun ini, keadaan ekonomi menjadi semakin buruk sehingga penduduk terpaksa menahan lapar kerana dihimpit oleh masalah bekalan makanan yang terhad.<sup>34</sup> Selain masalah makanan, ramai dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu, seperti kaum Cina, pentadbir jajahan, pengurus estet dan juga pelombong-pelombong Eropah lari menyembunyikan diri ke dalam hutan dan juga kawasan bukit bagi mengelakkan ancaman askar Jepun.<sup>35</sup> Ekoran persembunyian tersebut, Orang Asli turut berundur dan menjauhi diri daripada masyarakat luar dengan membawa diri jauh ke dalam hutan di kawasan bukit dan gunung.<sup>36</sup>

Kesan serangan askar Jepun ini, keadaan politik pada ketika itu menjadi kucar-kacir kerana parti politik bermusuhan antara satu sama lain, khususnya Parti Komunis Malaya (PKM) dan Koumintang (*Chinese National Party*).<sup>37</sup> Pada era ini, Leary mendedahkan bahawa sayap kiri PKM, iaitu Tentera Anti-Jepun Penduduk

Tanah Melayu (MPAJA) melancarkan tentangan dan mendesak tentera Jepun untuk berundur.<sup>38</sup>

Dalam kekalutan serangan tentera Jepun ini, keadaan pentadbiran Orang Asli menjadi tidak teratur. Carey berpendapat bahawa ia mungkin disebabkan oleh sikap tentera Jepun yang kurang cekap beraksi di dalam hutan manakala kebanyakan Orang Asli tinggal di dalam hutan yang tebal.<sup>39</sup> Oleh hal yang demikian, askar Jepun pada ketika itu terpaksa berhubung dengan penduduk kampung dalam kalangan orang Cina dan terpaksa melintasi kawasan perkampungan Orang Asli untuk mendapatkan bekalan makanan dan sebagainya.<sup>40</sup> Ekoran itu, hubungan baik antara Orang Asli dengan kaum Cina sebelum ini bertukar menjadi keruh apabila kebanyakan Orang Asli ialah penyokong dan mempunyai hubungan yang baik dengan MPAJA.<sup>41</sup> Dalam pada itu, MPAJA cuba untuk menjalinkan semula hubungan baik dengan Orang Asli, namun Orang Asli lebih cenderung untuk membantu askar Jepun dengan membekalkan sumber makanan dan pelbagai bantuan lain kerana mereka telah dilayan baik oleh askar berkenaan.<sup>42</sup>

Walaupun menurut Jones dan Dentan, Orang Asli dilayan baik untuk kepentingan tentera Jepun, Means menjelaskan hakikat sebenar keadaan Orang Asli yang sentiasa menjadi mangsa pertempuran antara kedua-dua belah pihak dan ia telah mengakibatkan kebuluran, pembunuhan, seterusnya mengganggu sistem kehidupan tradisional Orang Asli secara keseluruhan.<sup>43</sup>

Kerajaan British kembali semula ke Tanah Melayu setelah tentera Jepun mengundur diri pada Ogos 1945. Apabila tentera British mula berkuasa di Tanah Melayu, pemberontak komunis atau lebih dikenali sebagai Parti

Komunis Malaya (PKM) melancarkan serangan untuk menghalau tentera British dari Tanah Melayu.<sup>44</sup> Malah, mereka mendakwa bahawa pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu adalah hasil tentangan MPAJA.<sup>45</sup> Kumpulan ini turut mengekalkan *modus operandi* yang sama, iaitu bersembunyi di dalam hutan dan masih menjalinkan hubungan yang baik dengan Orang Asli di belantara.<sup>46</sup> Pemberontak Komunis mula menzahirkan tindakan mereka di Tanah Melayu pada tahun 1947 dengan menyerang polis-polis dan juga pentadbir estet pada ketika itu.<sup>47</sup> Tergugat dengan keadaan itu, kerajaan telah mengumumkan darurat secara rasmi pada 12 Julai 1948 dan berakhir pada 31 Julai 1960.<sup>48</sup>

Pada zaman darurat ini, keadaan Orang Asli dikatakan mengalami trauma kerana mereka menjadi subjek tumpuan kedua-dua pihak yang bermusuhan yakni pihak pemberontak komunis (PKM) dan juga tentera British.<sup>49</sup> Leary menjelaskan bahawa keadaan getir ini menyebabkan Orang Asli terhimpit antara janji manis yang ditabur oleh Komunis dan ada ketikanya Orang Asli menjadi mangsa kekejaman serta ugutan untuk mendapatkan sokongan.<sup>50</sup> Kegusaran tentera British semakin menjadi-jadi apabila mereka menyedari ketangkasan pemberontak Komunis menawan hati Orang Asli di hutan. Kerisauan British berkenaan memberikan kesan terhadap Orang Asli kerana Orang Asli dijadikan sebagai tumpuan utama bagi memastikan keselamatan negara serta mematahkan serangan pemberontak Komunis.<sup>51</sup> Berikutan itu, tentera British mula mengatur strategi untuk mematahkan pemberontakan Komunis.

Antara strategi awal untuk melumpuhkan pergerakan Komunis adalah melalui sekatan penyaluran bekalan makanan melalui Orang Asli

dan masyarakat Cina yang tinggal di dalam hutan kepada Komunis yang berkubu jauh di dalam hutan.<sup>52</sup> Sekatan makanan ini diteruskan dengan mewujudkan penempatan semula sejumlah besar masyarakat Cina seperti yang diperuntukkan di bawah *Briggs Plan*.<sup>53</sup> Pelan yang diperkenalkan oleh Sir Harrold Briggs bermula pada tahun 1951 bertujuan menafikan penyaluran makanan kepada pemberontak komunis.<sup>54</sup> Kem penempatan semula ini dilengkapi dengan rumah kediaman, kemudahan-kemudahan asas dan dipagar serta dikawal rapi oleh askar dan polis.<sup>55</sup> Dasar penempatan semula di bawah *Briggs Plan* ini disifatkan sebagai satu usaha yang berjaya untuk membantutkan usaha komunis untuk menawan Malaya.

Oleh sebab sumber makanan yang tidak mencukupi, tumpuan Komunis beralih kepada Orang Asli.<sup>56</sup> Dalam pada itu, Komunis mengambil peluang untuk menjalinkan hubungan baik bersama Orang Asli yang membawa diri jauh ke dalam belantara. Komunis pada sekitar tahun 1953 telah mengawal Orang Asli khususnya yang berada di kawasan tengah sempadan Negeri Sembilan dan juga Thailand.<sup>57</sup> Khuatir dengan hubungan antara Orang Asli dengan Komunis tersebut, pentadbir British telah mengenakan pendekatan yang sama dengan menempatkan Orang Asli di kem penempatan semula. Selain bertujuan memperkasakan lagi aspek keselamatan, pelaksanaan dasar penempatan semula Orang Asli adalah penting kepada pentadbir British untuk mendesak Komunis agar mengundur diri dari kawasan hutan yang didiami oleh Orang Asli.<sup>58</sup> Dengan menyekat pemberontakan Komunis ini, pentadbir British berharap dapat mengeratkan kembali hubungan baik antara Orang Asli dengan penjajah British.<sup>59</sup> Walau bagaimanapun, Carey menyifatkan

pendekatan penempatan semula ini merupakan satu kesalahan besar yang dilakukan oleh pentadbir British seperti yang digambarkannya sebagai “*lack of imagination and great stupidity*.”<sup>60</sup>

Penempatan semula Orang Asli ini hakikatnya mengeruhkan lagi keadaan apabila dilakukan tanpa mempertimbangkan aspek kemanusiaan dan tidak menghormati Orang Asli. Antara bentuk kezaliman terhadap Orang Asli ialah pengabaian kebajikan Orang Asli dengan kekurangan tempat perlindungan, bekalan makanan yang tidak mencukupi, keadaan tempat yang tidak bersih sehingga meragut nyawa Orang Asli yang terlibat.<sup>61</sup> Sehubungan itu, Jones mendedahkan bahawa jumlah kematian yang tinggi itu amat membimbangkan sehingga boleh menghapuskan kaum Orang Asli di mana beliau menjelaskan:

In 1951 it was reported that the death rate in one large camp reached the figure of 204 per thousand which it was feared would lead to the complete elimination of the group concerned.<sup>62</sup>

Selain kematian, Hood menggambarkan keadaan Orang Asli yang ditempatkan semula ini hidup dalam tekanan, trauma dan mereka juga mengalami kecederaan fizikal.<sup>63</sup> Sekalipun tindakan British ini adalah untuk menyelamatkan negara daripada ancaman Komunis, mereka tidak berhak memperlakukan Orang Asli sedemikian.

Dengan menyifatkan dasar penempatan semula Orang Asli ini sebagai gagal, Leary menjelaskan bahawa antara faktor yang menyebabkan tindakan tidak berperikemanusiaan pemerintah British ialah kekurangan tenaga kerja yang terlatih.<sup>64</sup> Di samping itu, keadaan yang menekan ini menyebabkan Orang Asli berasakan tinggal bersama pemberontak di dalam hutan adalah lebih baik berbanding

menjalani kehidupan di kem penempatan semula tersebut.<sup>65</sup> Sebagai tanda membantah penindasan dan layanan buruk oleh British pada ketika itu, sebilangan Orang Asli nekad meloloskan diri dan membawa diri jauh ke dalam hutan. Implikasi penempatan semula turut dirasakan oleh Orang Asli yang tidak menjadi mangsa penempatan semula apabila mereka berhijrah meninggalkan kediaman dengan meneroka jauh ke dalam hutan agar tidak diganggu oleh orang luar termasuklah pihak British.<sup>66</sup> Tindakan yang dianggap benar oleh British ini bertentangan dengan kemahuan Orang Asli apatah lagi perilaku tersebut mengongkong kehidupan Orang Asli.

Menyedari kegagalan untuk memenangi hati Orang Asli melalui agenda penempatan semula, pentadbir British telah menukar strategi dengan menggunakan pendekatan lebih mesra dan lembut dengan menyalurkan kebajikan tanpa menggunakan apa-apa bentuk keganasan dan paksaan.<sup>67</sup> Antara usaha penting untuk memulihkan kekusutan yang berlaku antara Orang Asli dengan kerajaan adalah melalui penubuhan Jabatan Kebajikan Orang Asli pada tahun 1950 dengan melantik D.R. Williams-Hunt sebagai Penasihat Persekutuan Pertama.<sup>68</sup> Pada awal penubuhan jabatan ini, mandat yang diberikan kepada penasihat jabatan adalah terhad kerana hanya memiliki bidang kuasa menasihati tanpa kuasa-kuasa lain.<sup>69</sup> Selain faktor kewangan yang terhad, perpindahan portfolio jabatan Orang Asli yang berada di bawah bidang kuasa negeri kepada bidang kuasa persekutuan telah menyebabkan bidang kuasa jabatan tersebut tidak begitu meluas.<sup>70</sup>

Walau bagaimanapun, usaha William-Hunt untuk melindungi Orang Asli tidak begitu lama setelah beliau

terbunuh dalam suatu kejadian tragis dalam hutan berhampiran Tapah, Perak pada awal tahun 1953.<sup>71</sup> Ekoran kematian ini, pentadbir British telah melantik Noone sebagai Penasihat Orang Asli yang baharu.<sup>72</sup>

Dalam pada itu, Carey telah menjelaskan sejarah perkembangan dan kedudukan Akta Orang Asli dalam penulisannya seperti yang berikut:

This period also saw the first important attempt at legislation to protect the Orang Asli, and this was once again largely pioneered by Noone himself. The result was the publication of the Aboriginal Peoples Ordinance by the government in 1954 and this document was later amended in 1967 to conform to changing conditions. This ordinance was a milestone in the administration of the Orang Asli, for at last the government officially admitted its responsibility towards them, as well as the right of the aboriginal tribes to follow their own way of life.<sup>73</sup>

Sungguhpun peranan jabatan masih terhad, kerajaan British meneruskan lagi usaha untuk mengembangkan lagi fungsi jabatan kerana British masih khuatir dengan gerakan komunis yang masih berbaki seterusnya dapat mengawal pergerakan Orang Asli secara keseluruhannya.<sup>74</sup> Berhubung dengan niat untuk melebarkan bidangkuasa jabatan untuk merangkumi pentadbiran, kebajikan dan bantuan perubatan, Carey menyifatkan tindakan tersebut sebagai strategi yang berselindung di sebalik niat asal untuk memenangi hati Orang Asli dan mengesan pergerakan Komunis.<sup>75</sup> Usaha British ini dikukuhkan lagi dengan mewujudkan jawatan sokongan seperti askar dan tentera dalam kalangan orang Melayu bagi membantu Orang Asli di lapangan.<sup>76</sup> Setelah pelbagai usaha yang dilakukan untuk memperbaiki hubungan dengan Orang Asli, Dentan menyifatkan usaha British adalah berkesan kerana keadaan menjadi



semakin reda kerana angka Orang Asli menyokong Komunis dikatakan semakin berkurangan menjelang 1958.<sup>77</sup>

Pihak pentadbir British memperkasakan lagi usaha mereka walaupun kepercayaan Orang Asli belum pulih sepenuhnya. Antara usaha signifikan yang dilakukan oleh British adalah dengan penubuhan *The Senoi Praaq* atau pasukan tentera yang dianggotai oleh Orang Asli.<sup>78</sup> Pasukan tentera berkenaan berada di bawah penyeliaan Jabatan Orang Asli dan menerima khidmat latihan daripada *Special Air Services* (SAS), iaitu salah satu unit di bawah pasukan Tentera British.<sup>79</sup> Penubuhan *Senoi Praaq* atau juga dikenali sebagai pasukan antigerila pada penghujung tahun 1956 sedikit sebanyak mengubah persepsi Orang Asli terhadap penjajah British, kerajaan dan orang Melayu. Menurut Mohd Tap, penyertaan Orang Asli dalam pasukan *Senoi Praaq* telah mengubah kedudukan sosial dan membuka peluang pekerjaan kepada Orang Asli khususnya yang tinggal di dalam hutan.<sup>80</sup> Tambahan pula, Carey menyifatkan pasukan tentera Orang Asli ini sebagai berkesan, malah penubuhannya merupakan satu usaha yang berjaya kerana pasukan berkenaan diberi mandat untuk beroperasi di kawasan hutan dan Orang Asli lebih arif tentang selok-belok berkaitan urusan dalam hutan.<sup>81</sup>

Setelah zaman darurat menuju ke penghujung, tugas pasukan *Senoi Praaq* telah diserap menjadi sebahagian daripada pasukan polis walaupun mengekalkan identiti asal pasukan berkenaan.<sup>82</sup> Oleh hal yang demikian, pendekatan *Senoi Praaq* boleh dirumuskan sebagai bertepatan dengan kemahuan Orang Asli yang dapat bertugas di hutan, malah pendekatan tersebut boleh disifatkan sebagai menghormati kedudukan mereka.

## ZAMAN PASCAPENJAJAHAN

Kedudukan Orang Asli selepas Tanah Melayu bebas daripada ancaman penjajah mengalami beberapa pembaharuan dan peningkatan dari segi perhatian dan perlindungan daripada kerajaan. Namun, tragedi hitam dan kesengsaraan yang dialami Orang Asli dalam episod penjajahan dan darurat tidak begitu mudah untuk dilupakan dan terus terpahat sebagai salah satu episod duka dalam sejarah hidup masyarakat Orang Asli.

Setelah memperoleh kemerdekaan, pelbagai usaha signifikan telah dilaksanakan kerajaan untuk melindungi Orang Asli. Antara usaha berkenaan ialah memperkasakan bidang kuasa Jabatan Kebajikan Orang Asli dengan memberikan tumpuan terhadap perlindungan dan pembangunan Orang Asli dengan meletakkan Orang Asli setaraf dengan masyarakat majoriti yang lain. Usaha terawal yang dijalankan oleh kerajaan pada waktu itu ialah perubahan bidang kuasa daripada bidang kuasa negeri kepada bidang kuasa persekutuan. Sehubungan itu, jawatan Penasihat Orang Asli turut diwujudkan dengan peralihan tersebut bagi menggantikan Pesuruhjaya Orang Asli (*Commissioner for Orang Asli*).<sup>83</sup>

Lantaran itu, Carey menyifatkan peranan dan tanggungjawab Jabatan Kemajuan Orang Asli selepas kemerdekaan sebagai satu perkembangan berbanding keadaan Orang Asli pada zaman penjajahan yang diselubungi kekerasan dan penindasan oleh pentadbir British khususnya.<sup>84</sup> Sungguhpun begitu, kejayaan tersebut boleh dikatakan tidak menyeluruh kerana tumpuan terhadap kebajikan Orang Asli hanya diberikan kepada

negeri-negeri yang mempunyai bilangan Orang Asli yang ramai. Tumpuan kepada Orang Asli di semua negeri perlu diberikan secara sama rata oleh JAKOA.

Selain usaha-usaha yang dinyatakan di atas, pelbagai perkembangan berhubung dengan perlindungan hak Orang Asli turut berlaku. Selari dengan kajian perundangan, perkembangan perlindungan hak Orang Asli boleh dilihat melalui undang-undang yang dirangka bagi melindungi Orang Asli.

### PENUTUP

Artikel ini telah memaparkan perubahan kedudukan Orang Asli yang semakin merosot mengikut peralihan zaman iaitu pada era sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan pascapenjajahan. Walaupun Orang Asli mempunyai autonomi dan kebebasan pada zaman sebelum penjajahan, namun nasib mereka berubah menjadi mangsa penindasan oleh pelbagai pihak untuk meraih sokongan seperti komunis dan penjajah British. Kesan negatif penjajahan terhadap Orang Asli sangat membekas dalam kehidupan mereka sehingga kedudukan Orang Asli menjadi lemah dan rendah diri. Implikasi tersebut juga boleh dilihat menerusi pembentukan undang-undang berkaitan Orang Asli yang mempunyai elemen *paternalisme*. Kesannya, pelbagai undang-undang dan dasar yang dibentuk untuk melindungi Orang Asli dipertikaikan kerana kurang berkesan untuk melindungi hak Orang Asli. Undang-undang ini dikatakan mengikut acuan penjajah, gagal mempertimbangkan nilai adat resam dan budaya Orang Asli. Penggubalan dasar berkaitan Orang Asli yang dibuat dengan menggunakan pendekatan atas ke bawah

(*top-down*) ini akhirnya menyebabkan Orang Asli tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya. Akhirnya, undang-undang yang sepatutnya melindungi Orang Asli ini gagal memberikan perlindungan sepenuhnya kepada Orang Asli kerana mempunyai unsur *paternalisme*.

### PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Biasiswa SLAI dan Geran Penyelidikan UPSI/FRGS (2015-0164-107-02) oleh KPM.

### NOTA

- <sup>1</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 3.
- <sup>2</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 3.
- <sup>3</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 3. Lihat Mohd Tap Salleh, *An Examination of Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*, Unpublished Doctoral Dissertation, University of Bath, Bath, 1990, hlm 30.
- <sup>4</sup> Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, International Work Group for Indigenous Affairs, Copenhagen, 2000, hlm 6. Rujukan kepada Orang Hulu adalah bagi mereka yang tinggal di muara sungai, Orang Darat merujuk mereka yang tinggal di kawasan bukit atau tanah tinggi, dan Orang Laut ialah mereka yang tinggal di persisiran pantai.
- <sup>5</sup> Nicholas, 2002. Organizing Orang Asli Identity. Dlm. Chou, G. B. C. (pnyt.) *Tribal Communities in the Malay World, Historical, Cultural and Social Perspectives*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, hlm 120. Lihat Wazir-Jahan Begum Karim, *Ma' Betisek Concept of Living Things*, The Athlone Press, London, 1981, hlm 13.
- <sup>6</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 288. Cerruti telah menulis sebuah buku yang bertajuk "My Fiends The Savages." Buku ini telah

- mendedahkan perilaku pihak pemerintah terhadap Orang Asli pada ketika itu.
- <sup>7</sup> Stevens dipetik dalam Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 286. Selain anggapan sebagai hamba, adakalanya kanak-kanak Orang Asli juga ditangkap dan dijual dan dibesarkan sebagai orang Melayu.
- <sup>8</sup> Gomes, 'Things Are Not What They Seem: Semai Economy in the 1980s,' (Julai 1989) 35 *Akademika*, hlm 47. Gelaran "dream people" ini dirujuk khusus kepada kaum Temiar dan Semai.
- <sup>9</sup> Rusaslina Idrus, 'The Discourse of Protection and the Orang Asli in Malaysia,' (2011) Vol. 29 (Supp. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 58.
- <sup>10</sup> Skeat & Blagden, *Pagan Races of the Malay Peninsula*, Edisi Pertama, Frank Cass & Co. Ltd, 1966, hlm 14.
- <sup>11</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 287.
- <sup>12</sup> Means, 'The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia,' (1985) 58 (4) *Pacific Affairs*, hlm 637-638.
- <sup>13</sup> Means, 'The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia,' hlm 638.
- <sup>14</sup> Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011-2015. Williams-Hunt, *An Introduction to the Malayan Aborigine*, AMS Press, New York, 1952, hlm 1. Lihat Carey, 'The Kensi Negritos of Baling, Kedah,' (1970) 43 (1) *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, hlm 144. Lihat Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011-2015, 2011, hlm 18.
- <sup>15</sup> Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2011-2015, hlm 8. Mahani Musa, 'The Socio-economic History of the Orang Kanaq of Johor,' (2011) Vol. 29 (No. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 48.
- <sup>16</sup> Mahani Musa, 'The Socio-economic History of the Orang Kanaq of Johor,' (2011) Vol. 29 (No. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 48.
- <sup>17</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 286.
- <sup>18</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 286.
- <sup>19</sup> Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, MacMillan Education, London, 1982, hlm 10.
- <sup>20</sup> Dunn dipetik dalam Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, International Work Group for Indigenous Affairs, Copenhagen, 2000, hlm 72.
- <sup>21</sup> Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, MacMillan Education, London, 1982, hlm 49.
- <sup>22</sup> Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, hlm 49-50. Lihat Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, International Work Group for Indigenous Affairs, Copenhagen, 2000, hlm 74.
- <sup>23</sup> Newbold dipetik dalam Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 75.
- <sup>24</sup> Hooker dipetik dalam Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 74.
- <sup>25</sup> Means, 'The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia,' (1985) 58 (4) *Pacific Affairs*, hlm 638.
- <sup>26</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 289.
- <sup>27</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' hlm 289.
- <sup>28</sup> Swettenham, *British Malaya*, George Allen and Unwin Ltd, London, 1948, hlm 14. Lihat Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, MacMillan Education, London, 1982, hlm 37.
- <sup>29</sup> Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, hlm 38. Lihat Winstedt, *Malaya and Its History*, Hutchinson University Library, London, 1966, hlm 7.
- <sup>30</sup> Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA), Copenhagen, 2000, hlm 78.
- <sup>31</sup> Nicholas, *The Orang Asli and the Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*, hlm 79.

- <sup>32</sup> Andaya & Andaya, *A History of Malaysia*, MacMillan Education, London, 1982, hlm 246.
- <sup>33</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 293.
- <sup>34</sup> Kheng, Memory as History and Moral Judgement, Oral and Written Accounts of the Japanese Occupation of Malaya, Dalam Wong (pnyt.), *War and Memory in Malaysia and Singapore*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 2000, hlm 23.
- <sup>35</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 293.
- <sup>36</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, Allyn and Bacon, Boston, 1996, hlm 60.
- <sup>37</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", A Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, hlm 60.
- <sup>38</sup> Leary, *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*, Ohio University Centre for International Studies, Amerika Syarikat, 1995, hlm 11.
- <sup>39</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 290.
- <sup>40</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 294.
- <sup>41</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' hlm 294. Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu adalah *Malayan Peoples' Anti-Japanese Army* (M.P.A.J.A).
- <sup>42</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, Allyn and Bacon, Boston, 1996, hlm 60
- <sup>43</sup> Means, 'The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia,' (1985) 58 (4) *Pacific Affairs*, hlm 643.
- <sup>44</sup> Pemberontak ini terbentuk daripada kumpulan yang telah dikenali sebagai Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu (MPAJA) pada zaman pendudukan Jepun sebelum ini.
- <sup>45</sup> Leary, *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*, Ohio University Centre for International Studies, Amerika Syarikat, 1995, hlm 11.
- <sup>46</sup> Rusalina Idrus, 'The Discourse of Protection and the Orang Asli in Malaysia,' (2011) Vol. 29 (Supp. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 61.
- <sup>47</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, Allyn and Bacon, Boston, 1996, hlm 61.
- <sup>48</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 295.
- <sup>49</sup> Rusalina Idrus, 'The Discourse of Protection and the Orang Asli in Malaysia,' (2011) Vol. 29 (Supp. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 57.
- <sup>50</sup> Leary, *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*, Ohio University Centre for International Studies, Amerika Syarikat, 1995, hlm 42.
- <sup>51</sup> Rusalina Idrus, 'The Discourse of Protection and the Orang Asli in Malaysia,' (2011) Vol. 29 (Supp. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 62.
- <sup>52</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 306.
- <sup>53</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 295. Lihat Robert Knox Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, hlm 61.
- <sup>54</sup> Mahani Musa, 'The Socio-economic History of the Orang Kanaq of Johor,' (2011) Vol. 29 (No. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 55. Lihat Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 306.
- <sup>55</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 306.
- <sup>56</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 306.
- <sup>57</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, Allyn and Bacon, Boston, 1996, hlm 63. Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' hlm 297, Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 305.

- <sup>58</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 295.
- <sup>59</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' hlm 295.
- <sup>60</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 307.
- <sup>61</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 308.
- <sup>62</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 297.
- <sup>63</sup> Hood dipetik dalam Leary, *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*, Ohio University Centre for International Studies, Amerika Syarikat, 1995, hlm 44.
- <sup>64</sup> Leary, *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*, hlm 42.
- <sup>65</sup> Leary, *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*, hlm 42.
- <sup>66</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, Allyn and Bacon, Boston, 1996, hlm 62.
- <sup>67</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, hlm 64.
- <sup>68</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' (1968) Vol. 9 (No. 2) *Journal of Southeast Asian History*, hlm 295.
- <sup>69</sup> Jones, 'The Orang Asli: An Outline of Their Progress in Modern Malaya,' hlm 295.
- <sup>70</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 291.
- <sup>71</sup> Rusalina Idrus, 'The Discourse of Protection and the Orang Asli in Malaysia,' (2011) Vol. 29 (Supp. 1) *Kajian Malaysia*, hlm 62.
- <sup>72</sup> Rusalina Idrus, 'The Discourse of Protection and the Orang Asli in Malaysia,' hlm 62-63.
- <sup>73</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 293.
- <sup>74</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 312.
- <sup>75</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 312-314.
- <sup>76</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, Allyn and Bacon, Boston, 1996, hlm 64.
- <sup>77</sup> Dentan, *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*, hlm 66.
- <sup>78</sup> Mohd Tap Salleh, *An Examination of Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*, Unpublished Doctoral Dissertation, University of Bath, Bath, 1990, hlm 216. Dalam konteks ini, Senoi membawa maksud lelaki manakala Praaq bermaksud bertempur atau berlawan.
- <sup>79</sup> Mohd Tap Salleh, *An Examination of Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*, hlm 216.
- <sup>80</sup> Mohd Tap Salleh, *An Examination of Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*, hlm 216.
- <sup>81</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hlm 317-318.
- <sup>82</sup> Mohd Tap Salleh, *An Examination of Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*, Unpublished Doctoral Dissertation, University of Bath, Bath, 1990, hlm 216. Lihat Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 318.
- <sup>83</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 296. Carey turut memperincikan lagi sistem pentadbiran baharu di mana Pesuruhjaya turut dibantu oleh Timbalan Pesuruhjaya yang mempunyai kelayakan dan juga merupakan ahli antropologi terlatih. Di peringkat negeri khususnya di negeri-negeri yang besar dan mempunyai bilangan Orang Asli yang tinggi, pentadbiran Orang Asli dikendalikan oleh pegawai yang dikenali sebagai pelindung (*protector*). Kerajaan juga telah menubuhkan pejabat Jabatan Kebajikan Orang Asli di setiap negeri yang mempunyai bilangan Orang Asli yang tinggi seperti Selangor, Perak dan juga Pahang.
- <sup>84</sup> Carey, *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, hlm 302.

RUJUKAN

- Andaya, B. W. & Andaya, L. Y. 1982. *A History of Malaysia*. London: MacMillan Education.
- Carey, I. 1970. The Kensiu Negritos of Baling, Kedah. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 43(1): 143-160.
- Carey, I. 1976. *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Carey, I. 1979. The resettlement of the Orang Asli from a historical perspective. *Federation Museums Journal* 24:159-176.
- Gomes, A. G. Julai 1989. Things are not what they seem: Semai economy in the 1980s. *Akademika* 35:47-54.
- Jones, A. 1968. The Orang Asli: An outline of their progress in modern Malaya. *Journal of Southeast Asian History* 9(2): 286-305.
- Leary, J. D. 1995. *Violence and the Dream People, the Orang Asli in the Malayan Emergency, 1948-1960*. Amerika Syarikat: Ohio University Centre for International Studies.
- Kheng, C. B. 2000. Memory as History and Moral Judgement, Oral and Written Accounts of the Japanese Occupation of Malaya. Dlm. *War and Memory in Malaysia and Singapore*, disunting oleh Wong, P. L. P. H. D. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mahani Musa. 2011. The socioeconomic history of the Orang Kanaq of Johor. *Kajian Malaysia* 29( 1): 47-74.
- Means, G. P. 1985. The Orang Asli: Aboriginal policies in Malaysia. *Pacific Affairs* 58(4): 637-652.
- Mohd Tap Salleh. 1990. *An Examination Od Development Planning among the Rural Orang Asli of West Malaysia*. Bath: University of Bath.
- Nicholas, C. 2000. *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. International Work Group for Indigenous Affairs Copenhagen.
- Nicholas, C. 2002. Organizing Orang Asli Identity. Dlm. *Tribal Communities in the Malay World, Historical, Cultural and Social Perspectives*, disunting oleh Chou, G. B. C., 119-136. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Robert Knox Dentan, K. E., Alberto G. Gomes, M.B. Hooker. 1996. *Malaysia and the "Original People", a Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*. Boston: Allyn and Bacon.
- Rusaslina Idrus. 2010. From wards to citizens: Indigenous rights and citizenship in Malaysia. *Political and Legal Anthropology Review* 33(1): 89-108.
- Rusaslina Idrus. 2011. The discourse of protection and the Orang Asli in Malaysia. *Kajian Malaysia* 29 (1): 53-74.
- Skeat, W. W. & Blagden, C. O. 1966. *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Frank Cass & Co. Ltd.
- Swettenham. 1948. *British Malaya*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Wazir-Jahan Begum Karim. 1981. *Ma' Betisek Concept of Living*

- Things*. London: The Athlone Press.
- Williams-Hunt, P. D. R. 1952. *An Introduction to the Malayan Aborigine, Malayan Aborigines*. New York: AMS Press.
- Winstedt, R. O. 1982. *A History of Malaya*. Kuala Lumpur & Singapore: Marican & Sons (Malaysia) Sdn Bhd.

Muhamad Sayuti bin Hassan @ Yahya  
Pegawai Penyelidik, Parlimen Malaysia  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak  
E-mel: sayuti@fsk.upsi.edu.my

Rohaida Nordin  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
E-mel: rohaidanordin@ukm.edu.my